

Headline	Fama sasar perolehan usahawan cecah RM300j		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	03 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	210 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,082
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,245



Fama sasar perolehan usahawan cecah RM300j

KOTA KINABALU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Sabah menyasarkan perolehan usahawan tani menerusi pelbagai program anjurannya pada 2018 mencecah RM300 juta.

Pengarah, Ribin Wahid berkata Fama Sabah yakin terhadap sasaran itu berdasarkan pulangan memberangsangkan yang diperolehi usahawan tani menerusi programnya dari tahun ke tahun.

"Sepanjang tahun lepas, pendapatan yang diraih usahawan tani menerusi program Fama mencecah RM127 juta, yang kita anggap amat baik berbanding tahun-tahun lepas," katanya ketika ditemui pemberita pada Program 'My Best Buy'

anjuran Fama dan RTM Sabah di sini pada Jumaat.

Bagi 'My Best Buy' yang mula dilaksanakan pada 2015 di Sabah, beliau berkata program itu telah menjana nilai jualan kira-kira RM200,000 pada tahun lepas.

'My Best Buy' merupakan program menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bertujuan membantu rakyat di kawasan bandar menangani kesan kenaikan kos sara hidup manakala pengguna boleh mendapatkan barangan pada harga berpatutan.

Ribin berkata, 'My Best Buy' akan diperluaskan ke seluruh Sabah untuk memberi peluang masyarakat membeli

produk pertanian pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran.

"Produk pertanian yang dijual menerusi program anjuran Fama adalah lebih murah, dengan diskaun sehingga 20 peratus daripada harga pasaran dan terdapat juga tawaran harga yang lebih menarik," katanya.

Program itu diadakan di sekitar Kota Kinabalu dan Sandakan ketika ini, katanya.

Beliau juga berkata perusahaan tani semakin mendapat perhatian daripada golongan belia dan Fama Sabah berharap lebih ramai usahawan tani muda dapat diwujudkan pada masa akan datang. - Bernama